



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume5, Issue 4, April 2020

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocialsciences.com

Kemahiran Pemikiran Sejarah Berdasarkan Murid Berbeza Tahap Arahkan Kendiri

M. Kaviza¹

¹Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Correspondence: M. Kaviza (kavizakaviza@yahoo.com)

Abstrak

Kajian berbentuk tinjauan ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksya iaitu kemahiran memahami kronologi, kemahiran meneroka bukti, kemahiran membuat interpretasi, kemahiran membuat imaginasi dan kemahiran membuat rasionalisasi berdasarkan murid berbeza tahap arahan sendiri. Kajian ini melibatkan seramai 865 orang murid tingkatan dua. Instrumen kajian ini merupakan soal selidik yang diadaptasi, disahkan pakar penilai dan mempunyai kebolehpercayaan yang baik. Data kajian ini dianalisis secara deskriptif dan inferensi iaitu ujian-t sampel tak bersandar dan ujian *MANOVA*. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kemahiran pemikiran sejarah bagi murid tahap arahan sendiri tinggi adalah tinggi berbanding dengan murid tahap arahan sendiri rendah yang berada pada tahap sederhana. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan min kemahiran pemikiran sejarah dan kelima-lima konstruksya berdasarkan murid tahap arahan sendiri. Implikasi kajian ini menyediakan sumber maklumat kepada para guru untuk merancang pengajaran dan pembelajaran sejarah dengan menerapkan aplikasi kemahiran pemikiran sejarah dan memupuk kemahiran arahan sendiri yang baik dalam diri murid.

Kata kunci: kemahiran pemikiran sejarah, arahan sendiri, mata pelajaran sejarah

Historical Thinking Skills Based Different Self-Directed Level Students'

Abstract

The survey study aims to identify the level of historical thinking skills and its constructs such as chronology, exploring evidence, making interpretations, imagination and rationalizing based different self-directed level students'. This study involved 865 students. The instruments were used in this study are adapted questionnaire which have been verified by expert and have a good reliability values. The data of this study are analyzed descriptively and inference such as independent t-test and MANOVA test. The findings of this study indicated that the level of historical thinking skills among higher self-directed level students at high. Beside that, the level of historical thinking skills among lower self-directed level students is moderate. In addition, there is a significant mean difference of historical thinking skills and its five constructs between higher and lower self-directed level students in this study. The implications of this study are provided information to teachers to plan process of teaching and learning history with implementing historical thinking skills applications and fostering self-directed skills among students.

Keywords: historical thinking skills, self-directed, history subject

Pengenalan

Sejarah ialah mata pelajaran teras dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang wajib dipelajari oleh semua murid secara berterusan dari tingkatan satu hingga tingkatan lima secara bersepadu yang merangkumi aspek kandungan pengetahuan, kemahiran pemikiran sejarah serta elemen kewarganegaraan dan nilai sivik. Sehubungan dengan itu, adalah diakui bahawa salah satu objektif kurikulum sejarah ialah mengaplikasikan kemahiran pemikiran sejarah dalam kalangan murid melalui kajian kes (Pusat Perkembangan Kurikulum [PPK], 2016) yang telah telah menyarankan kepentingan penerapannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah secara berterusan. Hal ini kerana mata pelajaran sejarah merupakan disiplin ilmu yang bermatlamat untuk mencari kebenaran tentang masa lalu berdasarkan teras struktur disiplin yang sistematik dan dinamik. Oleh itu, murid-murid perlu diajar untuk memahami ciri-ciri sejarah melalui aplikasi kemahiran pemikiran sejarah yang dirujuk sebagai satu proses berfikir secara lebih kritis dan analitis dalam meneroka idea-idea sejarah yang kompleks seperti kemahiran memahami kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi (Wineburg, 2001; PPK, 2016; Izhah Ismail & Muhamad Zaid Ismail, 2018; Sharifah Afida Syed Hamid, Azman Achutan Abdullah & Ginawati Raji, 2004). Setiap konstruk dalam kemahiran pemikiran sejarah telahpun diperincikan oleh pihak PPK (2016) seperti berikut:

- (a) Kemahiran memahami kronologi – Murid dididik dengan kemahiran memahami tempoh masa yang merujuk kepada kemajuan sesebuah tamadun.
- (b) Kemahiran meneroka bukti – Murid mengenal pasti dan membuat kaji banding antara sumber primer dengan sumber sekunder untuk mendapatkan maklumat sejarah.
- (c) Kemahiran membuat interpretasi – Murid membuat tafsiran terhadap sesuatu peristiwa dengan memberi ulasan berdasarkan bukti.
- (d) Kemahiran membuat imaginasi – Murid perlu dilibatkan dengan sesuatu situasi dalam peristiwa sejarah secara visual dan empati.
- (e) Kemahiran membuat rasionalisasi – Murid menggunakan akal fikiran untuk membuat suatu pertimbangan yang wajar dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Sungguhpun begitu, tahap kemahiran pemikiran sejarah yang dilaporkan berada pada tahap rendah dan sederhana berdasarkan aspek demografi dalam kajian-kajian lepas (Sharifah Nor Puteh, Nooreiny Maarof & Elisabeth Tak, 2010) telah menimbulkan satu keperluan kepada pengkaji kajian ini untuk meninjau apakah tahap kemahiran pemikiran sejarah berdasarkan murid berbeza arahan sendiri. Hal ini kerana murid yang mempunyai sikap berdikari dan bertanggungjawab ke atas proses pembelajaran mereka yang baik dapat membina corak pemikiran yang terbuka dan mencapai matlamat pembelajarannya dengan sendiri (Schunk, Journell, Alford, Watson & Belter, 2018; Beck & Eno, 2014). Maka, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kemahiran pemikiran sejarah berdasarkan tahap kemahiran arahan sendiri bagi menyediakan sumber maklumat kepada para guru untuk meningkatkan aplikasi kemahiran pemikiran sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah menengah.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengetahui tahap kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksinya berdasarkan tahap arahan sendiri.
- ii. Mengetahui sama ada terdapat perbezaan min amalan kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksinya berdasarkan tahap arahan sendiri.

Soalan Kajian

Soalan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah tahap kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksinya berdasarkan tahap arahan sendiri?

- ii. Adakah terdapat perbezaan min kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksya berdasarkan tahap arahan sendiri?

Hipotesis Kajian

Bagi menjawab soalan kajian 2, maka dua hipotesis nul (H_0) telah dibentuk bagi diuji pada tahap kesignifikan $p=0.05$ adalah seperti berikut:

- H_{01} : Tidak terdapat perbezaan min kemahiran pemikiran sejarah yang signifikan berdasarkan tahap arahan sendiri.
- H_{02} : Tidak terdapat perbezaan min kemahiran memahami kronologi, kemahiran meneroka bukti, kemahiran membuat interpretasi, kemahiran membuat imaginasi dan kemahiran membuat rasionalisasi berdasarkan tahap arahan sendiri.

Metod Kajian

Kajian berbentuk tinjauan yang menggunakan soal selidik skala likert lima mata telah melibatkan seramai 865 orang murid tingkatan dua yang telah ditentukan berdasarkan teknik persampelan rawak mudah. Instrumen kajian ini merupakan soal selidik kemahiran pemikiran sejarah dan kemahiran arahan sendiri yang diadaptasi yang telah disahkan oleh pakar-pakar penilai dan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik dan diterima bagi tujuan kajian ini (Nunnally, 1978). Interpretasi tahap kemahiran pemikiran sejarah dalam kajian ini telah dilakukan berdasarkan tiga tahap yang diadaptasi daripada kajian Jamil Ahmad, (2002) seperti ditunjukkan pada Jadual 1, manakala interpretasi skor tahap murid dalam kemahiran arahan sendiri pula telah dilakukan berdasarkan dua skor tahap yang diadaptasi daripada kajian Ors, (2018) seperti ditunjukkan pada Jadual 2.

Jadual 1: Interpretasi Min dan Tahap Min Kemahiran Terarah Kendiri

Min	Tahap Min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber: Adaptasi daripada Jamil Ahmad, (2002)

Jadual 2: Interpretasi Skor Tahap Murid dalam Kemahiran Terarah Kendiri

Skor	Tahap Murid
Lebih 150	Tinggi
Kurang 150	Rendah

Sumber: Adaptasi daripada Ors, (2018)

Dapatan Kajian

Apakah tahap kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksya berdasarkan tahap arahan sendiri?

Berdasarkan statistik deskriptif pada Jadual 3, min kemahiran pemikiran sejarah adalah lebih tinggi bagi murid tahap arahan sendiri tinggi ($M=4.09$, $SD=0.36$) berbanding dengan murid tahap arahan sendiri rendah ($M=2.88$, $SD=0.55$). Secara keseluruhannya, tahap kemahiran pemikiran sejarah berada pada tahap tinggi bagi murid tahap arahan sendiri tinggi dan berada pada tahap sederhana bagi murid tahap arahan sendiri rendah dalam kajian ini. Dari segi konstruksya pula, min kemahiran memahami kronologi ($M=4.14$, $SD=0.70$) adalah lebih tinggi bagi murid tahap arahan sendiri tinggi berbanding

dengan murid tahap arahan sendiri rendah ($M=2.82$, $SD=0.68$). Min kemahiran meneroka bukti ($M=4.08$, $SD=0.60$) adalah lebih tinggi bagi murid tahap arahan sendiri tinggi berbanding dengan murid tahap arahan sendiri rendah ($M=2.93$, $SD=0.70$). Min kemahiran membuat interpretasi ($M=4.11$, $SD=0.45$) adalah lebih tinggi bagi murid tahap arahan sendiri tinggi berbanding dengan murid tahap arahan sendiri rendah ($M=2.82$, $SD=0.61$). Min kemahiran membuat imaginasi ($M=4.13$, $SD=0.46$) adalah lebih tinggi bagi murid tahap arahan sendiri tinggi berbanding dengan murid tahap arahan sendiri rendah ($M=3.03$, $SD=0.72$). Min kemahiran membuat rasionalisasi ($M=4.00$, $SD=0.51$) adalah lebih tinggi bagi murid tahap arahan sendiri tinggi berbanding dengan murid tahap arahan sendiri rendah ($M=2.78$, $SD=0.65$). Secara keseluruhannya, tahap amalan kemahiran memahami kronologi, kemahiran meneroka bukti, kemahiran membuat interpretasi, kemahiran membuat imaginasi dan kemahiran membuat rasionalisasi berada pada tahap tinggi bagi murid tahap arahan sendiri tinggi dan berada pada tahap sederhana bagi murid tahap arahan sendiri rendah dalam kajian ini.

Jadual 3: Tahap Kemahiran Pemikiran Sejarah dan Konstruknya Berdasarkan Tahap Arahan Kendiri

Konstruk	Tahap Arahan Kendiri	N	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Kemahiran Pemikiran Sejarah	Tahap tinggi	208	4.09	0.36	Tinggi
	Tahap Rendah	657	2.88	0.55	Sederhana
Memahami kronologi	Tahap tinggi	208	4.14	0.70	Tinggi
	Tahap Rendah	657	2.82	0.68	Sederhana
Meneroka bukti	Tahap tinggi	208	4.08	0.60	Tinggi
	Tahap Rendah	657	2.93	0.70	Sederhana
Membuat interpretasi	Tahap tinggi	208	4.11	0.45	Tinggi
	Tahap Rendah	657	2.82	0.61	Sederhana
Membuat imaginasi	Tahap tinggi	208	4.13	0.46	Tinggi
	Tahap Rendah	657	3.03	0.72	Sederhana
Membuat rasionalisasi	Tahap tinggi	208	4.00	0.51	Tinggi
	Tahap Rendah	657	2.78	0.65	Sederhana

Adakah terdapat perbezaan min kemahiran pemikiran sejarah dan konstruknya berdasarkan tahap arahan sendiri?

Pengujian Hipotesis 1:

H_{01} : Tidak terdapat perbezaan min kemahiran pemikiran sejarah yang signifikan berdasarkan tahap arahan sendiri.

Berdasarkan keputusan ujian *Levene's* [$F= 38.42$, $p=0.62$] pada Jadual 4 yang tidak signifikan, keputusan ujian-t sampel tak bersandar menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min kemahiran pemikiran sejarah yang signifikan [$t(863)=29.96$, $p=0.00$] berdasarkan tahap arahan sendiri. Maka, H_{01} berjaya ditolak. Oleh itu, min kemahiran pemikiran sejarah adalah berbeza antara murid tahap arahan sendiri tinggi dan murid tahap arahan sendiri rendah dalam kajian ini.

Jadual 4: Ujian-t Sampel Tak Bersandar Bagi Min Kemahiran Pemikiran Sejarah Berdasarkan Tahap Arahan Kendiri

	Ujian-t bagi persamaan min									
	Ujian <i>Levene's</i>		t	df	p	Perbezaan min	Min ralat Piawai	99% selang keyakinan bagi perbezaan		
	F	p						Bawah	Atas	
Perbezaan Min	38.42	0.62	29.96	863	0.00	1.22	0.04	1.14	1.30	

Pengujian Hipotesis 2:

H₀₂: Tidak terdapat perbezaan min kemahiran memahami kronologi, kemahiran meneroka bukti, kemahiran membuat interpretasi, kemahiran membuat imaginasi dan kemahiran membuat rasionalisasi berdasarkan tahap arahan sendiri.

Berdasarkan keputusan ujian *Box's M* yang tidak signifikan [$F(15, 604096.70) = 11.57, p = 0.20$], keputusan ujian *Multivariate Wilks' Lambda* pada Jadual 5 menunjukkan bahawa kesan utama tahap arahan sendiri adalah mempengaruhi min kelima-lima konstruk iaitu kemahiran memahami kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi secara signifikan [$F(5, 859) = 186.81, p = 0.00, \eta^2 = 0.52$]. Seterusnya, berdasarkan keputusan ujian *Levene's* bagi min kemahiran memahami kronologi [$F(1, 863) = 7.59, p = 0.23$], kemahiran meneroka bukti [$F(1, 859) = 17.72, p = 0.33$], kemahiran membuat interpretasi [$F(1, 863) = 26.06, p = 0.90$], kemahiran membuat imaginasi [$F(1, 863) = 36.14, p = 0.51$] dan kemahiran membuat rasionalisasi [$F(1, 865) = 12.28, p = 0.79$] yang tidak signifikan, keputusan ujian kesan antara subjek dalam Jadual 6 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min kemahiran memahami kronologi [$F(1, 863) = 591.77, p = 0.00, \eta^2 = 0.41$], kemahiran meneroka bukti [$F(1, 863) = 453.17, p = 0.00, \eta^2 = 0.34$], kemahiran membuat interpretasi [$F(1, 863) = 774.90, p = 0.00, \eta^2 = 0.47$], kemahiran membuat imaginasi [$F(1, 863) = 424.15, p = 0.00, \eta^2 = 0.33$] dan kemahiran membuat rasionalisasi [$F(1, 863) = 631.24, p = 0.00, \eta^2 = 0.47$] yang signifikan berdasarkan tahap arahan sendiri. Maka, hipotesis *H₀₂* berjaya ditolak. Oleh itu, min bagi kelima-lima konstruk dalam kemahiran pemikiran sejarah iaitu kemahiran memahami kronologi, kemahiran meneroka bukti, kemahiran membuat interpretasi, kemahiran membuat imaginasi dan kemahiran membuat rasionalisasi adalah berbeza antara murid tahap arahan sendiri tinggi dan murid tahap arahan sendiri rendah dalam kajian ini.

Jadual 5: Ujian *Multivariate* bagi Konstruk-konstruk Kemahiran Pemikiran Sejarah

Kesan		Nilai	F	Hipotesis df	Ralat df	Sig.	Separa Eta Kuasa Dua
Pintasan	Pillai's Trace	0.97	5903.53	5.00	859.00	0.00	0.97
	Wilks' Lambda	0.03	5903.53	5.00	859.00	0.00	0.97
	Hotelling's Trace	34.36	5903.53	5.00	859.00	0.00	0.97
	Roy's Largest Root	34.36	5903.53	5.00	859.00	0.00	0.97
Tahap Arahan	Pillai's Trace	0.52	186.81	5.00	859.00	0.00	0.52
	Wilks' Lambda	0.48	186.81	5.00	859.00	0.00	0.52
Kendiri	Hotelling's Trace	1.09	186.81	5.00	859.00	0.00	0.52
	Roy's Largest Root	1.09	186.81	5.00	859.00	0.00	0.52

Jadual 6: Ujian Kesan Antara Subjek bagi Konstruk-konstruk Kemahiran Pemikiran Sejarah

Sumber	Variabel bersandar	Jumlah Kuasa dua Jenis III	df	Kuasa Dua Min	F	Sig.	Separa Eta Kuasa Dua
Model yang diperbetulkan	Kronologi	276.07	1	276.07	591.77	0.00	0.41
	Bukti	209.51	1	209.51	453.17	0.00	0.34
	Interpretasi	259.70	1	259.70	774.90	0.00	0.47
	Imaginasi	189.58	1	189.58	424.15	0.00	0.33
	Rasionalisasi	239.12	1	239.12	631.24	0.00	0.42
Pintasan	Kronologi	7652.26	1	7652.26	16402.80	0.00	0.95
	Bukti	7773.56	1	7773.56	16813.84	0.00	0.95
	Interpretasi	7585.90	1	7585.90	22635.31	0.00	0.96
	Imaginasi	8108.56	1	8108.56	18140.93	0.00	0.96
	Rasionalisasi	7278.50	1	7278.50	19214.01	0.00	0.96
Tahap Arahan Kendiri	Kronologi	276.07	1	276.07	591.77	0.00	0.41
	Bukti	209.52	1	209.51	453.17	0.00	0.34
	Interpretasi	259.70	1	259.70	774.90	0.00	0.47

	Imaginasi	189.58	1	189.58	424.15	0.00	0.33
	Rasionalisasi	239.12	1	239.12	631.24	0.00	0.47
Ralat	Kronologi	402.61	863	0.47			
	Bukti	398.99	863	0.46			
	Interpretasi	289.22	863	0.34			
	Imaginasi	385.74	863	0.45			
	Rasionalisasi	326.92	863	0.38			
Jumlah	Kronologi	9189.57	865				
	Bukti	9512.80	865				
	Interpretasi	9033.84	865				
	Imaginasi	9982.45	865				
	Rasionalisasi	8742.41	865				
Jumlah yang Diperbetulkan	Kronologi	678.68	864				
	Bukti	608.51	864				
	Interpretasi	548.92	864				
	Imaginasi	575.32	864				
	Rasionalisasi	566.04	864				

^a. R Squared= 0.41 (Adjusted R Squared = 0.41)

^b. R Squared= 0.34 (Adjusted R Squared = 0.34)

^c. R Squared= 0.47 (Adjusted R Squared = 0.47)

^d. R Squared= 0.33 (Adjusted R Squared = 0.33)

^e. R Squared= 0.42 (Adjusted R Squared = 0.42)

Perbincangan Kajian

Dapatan kajian ini yang menunjukkan bahawa tahap kemahiran pemikiran sejarah yang tinggi bagi murid tahap arahan sendiri tinggi dan berada pada sederhana bagi murid tahap arahan sendiri rendah adalah sealiran dengan dapatan kajian Kaviza (2019) yang melaporkan bahawa tahap kemahiran pemikiran sejarah berada pada tahap sederhana bagi murid berprestasi tinggi dan berprestasi rendah dan kajian Tarchi & Mason (2019) yang melaporkan bahawa penulisan penghujahan sejarah adalah tinggi bagi murid yang mempunyai kemahiran pemikiran yang tinggi kerana mereka mampu menjana kemahiran membuat hipotesis. Hal ini kerana murid tahap arahan sendiri tinggi mampu membuat perkaitan antara maklumat sedia ada dan baru bagi memahami sesuatu peristiwa masa lalu dengan pelbagai perspektif secara mendalam dengan meletakkan diri mereka secara imaginatif dalam situasi seseorang tokoh atau peristiwa (Levesque, 2015; Schunk et al, 2018). Tambahan pula, dapatan kajian ini yang menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min yang signifikan bagi kemahiran pemikiran sejarah dan kelima-lima konstruksinya iaitu kemahiran memahami kronologi, kemahiran meneroka bukti, kemahiran membuat interpretasi, kemahiran membuat imaginasi dan kemahiran membuat rasionalisasi berdasarkan tahap arahan sendiri adalah bertentangan dengan dapatan kajian Sharifah Nor Puteh et al (2010) yang telah melaporkan faktor jantung dan aliran mata pelajaran tidak mempengaruhi persepsi murid terhadap kemahiran pemikiran sejarah dan konstruksinya walaupun hanya murid aliran sastera sahaja yang telah menunjukkan tahap persepsi yang lebih tinggi bagi kemahiran meneroka bukti berbanding dengan murid aliran sains. Hal ini kerana murid tahap arahan sendiri tinggi berasa lebih yakin dan berinisiatif berbanding dengan murid tahap arahan sendiri rendah untuk melibatkan diri mereka dalam proses pembelajaran yang dapat menggalakkan mereka untuk berfikir secara kritis dan kreatif bagi melahirkan warganegara yang dapat menghargai negara dan bangsa (PPK, 2016; Izhah Ismail & Muhamad Zaid Ismail, 2018;).

Kesimpulan

Kesimpulannya, tahap kemahiran pemikiran sejarah bagi murid tahap arahan sendiri tinggi berada pada tahap tinggi dan tahap kemahiran pemikiran sejarah bagi murid tahap arahan rendah pula berada pada tahap sederhana dalam kajian ini. Justeru, semua pihak perlu memainkan peranan dalam menerapkan kemahiran pemikiran sejarah dalam membentuk proses pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna.

Rujukan

- Beck, D. & Eno, J. (2014). Signature pedagogia: A literature review of social studies and technologies research. *Computers in the Schools*, 29, 70-94.
- Izhab Ismail & Muhamad Zaid Ismail. (2018). Hubungan kemahiran pemikiran sejarah dengan amalan guru dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018*, 303-320.
- Jamil Ahmad. (2002). *Pemupukan Budaya Penyelidikan di Kalangan Guru di Sekolah: Satu Penilaian*. Tesis Ijazah Kedoktoran, Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kaviza, M. (2019). Persepsi Terhadap Amalan Kemahiran Pemikiran Sejarah Dalam Kalangan Murid Berpencapaian Tinggi dan Rendah. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 6(1), 144-156.
- Levesque, S.G. (2015). Developing historical consciousness and a community of history practitioners: a survey of perspectives history teachers' across Canada. *McGill Journal of Education*, 50 (2-3), 389-412.
- Nunnally, J.C. (1978). *Psychometrie Theory* (2nd ed). New York: McGraw Hill.
- Ors, M. (2018). The Self Directed Learning readiness Level of the undergraduate students of midwife and nurse in terms of sustainability in nursing and midwife Education. *Sustainability*, 10 (3574), 1-14.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2016). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Mata Pelajaran Sejarah Tingkatan Dua*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Schunk, D.H, Journell, W., Alford, A., Watson, J & Belter, M. (2018). *Self-regulated learning in the social studies classroom*. In M.K. DiBenedeto (eds.), *Connecting Self-regulated Learning and Performances with Instruction across High School Content Areas* (pp.89-124). Springer International Publishing.
- Sharifah Afida Syed Hamid, Azman Achutan Abdullah & Ginawati Raji (2004). *Penerapan kemahiran pemikiran sejarah*. *Bahan Sejarah 2004*. Retrieved daripada: <https://www.sejarahmgcm.file.wordpress.com>
- Sharifah Nor Puteh, Nooreiny Maarof & Elisabeth Tak (2010). Student's perception of the teaching of historical thinking skills. *Pertanika: Journal Social & Humanities*, 18(S), 87-95.
- Tarchi, C & Mason, L, (2019). Effects of critical thinking on multiple comprehension. *European Journal of Psychology of Education*, 1-25.
- Wineburg, S. (2001). *Historical thinking and on the unnatural acts. Charting the future of teaching the past*. Philadelphia: Temple University Press.